

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

# PENDIDIKAN MORAL (PENDIDIKAN KHAS) TINGKATAN 4



PENULIS /

SAWALLIYATI BINTI ABD SALEH

LIM BEE BEE



EDITOR /

NURUL SHAHEZA BINTI ZAMRI



PEREKA BENTUK /

MOHD REZWAN BIN ABD RAHIM



ILUSTRATOR /

MOHAMAD SYARIF BIN IBRAHIM



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

2019



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0145

KK 370-221-0102011-49-2521-30101  
ISBN 978-983-49-2521-5

Cetakan Pertama 2019  
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Nukilan Unggul Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Taip Teks: 9-13 poin

Dicetak oleh:  
Percetakan Tabah Sdn. Bhd.,  
No. 15, Jalan Nilam 1/8,  
Taman Perindustrian Teknologi Tinggi  
Subang, Batu 3,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah.
- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).
- Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS).
- Majlis Adat Istiadat Sarawak.
- Sabah Tourism Board.
- Homestay Kampung Lonek, Negeri Sembilan.
- Melodic Music Centre, Selangor.
- Rumah Orang-orang Tua Noble Care, Selangor.
- SMK Telok Gadong, Selangor.
- SMK Puchong Permai, Selangor.
- SMK Meru, Selangor.
- SMK Batu Muda, Kuala Lumpur.

# KANDUNGAN

Pendahuluan	iv
Penerangan Ikon Buku Teks	v
Panduan Penggunaan Buku Teks	vi

## TEMA

### I

## INSAN BERMORAL

Unit 1	Norma Masyarakat	2
Unit 2	Keperibadian Mulia	12
Unit 3	Perwatakan Kendiri yang Positif	22
Unit 4	Sikap Hormat dalam Interaksi Sosial	32
Unit 5	Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan	42
Unit 6	Penggunaan Sumber dan Maklumat yang Sahih	52

## TEMA

### 2

## MORAL DAN KENEGARAAN

Unit 7	Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara	64
Unit 8	Perpaduan dalam Masyarakat	74
Projek		85
Cadangan Jawapan		86
Senarai Rujukan		88
QR Code Duga Ilmu		89
Indeks		90

# PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Moral (Pendidikan Khas) Tingkatan 4* ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Pendidikan Khas, Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) agar berakhlak mulia, berintegriti, berpegang teguh pada nilai universal berasaskan prinsip moral serta menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara dan masyarakat global.

Pembentukan MBK yang mempunyai sahsiah diri yang baik dapat direalisasikan dengan memberikan penekanan terhadap tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid. Ketiga-tiga domain ini diterapkan melalui pelbagai aktiviti dan latihan dalam buku teks ini agar sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan persekitaran murid. Antara aktiviti yang diketengahkan termasuklah lakonan, nyanyian, permainan dan penghasilan projek. Aktiviti tersebut dapat memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berinteraksi, bekerjasama dalam pasukan, mendapatkan maklumat, memupuk sikap penyayang dan meningkatkan semangat patriotisme dalam diri murid.

Buku teks ini dibahagikan kepada dua tema, iaitu Tema 1: Insan Bermoral dan Tema 2: Moral dan Kenegaraan. Tema-tema ini dibahagikan kepada lapan unit. Bagi memudahkan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), setiap unit dibahagikan kepada tujuh bahagian, iaitu Cetus Minda, Tahukah Anda?, Mari Fahami, Mari Selami, Mari Hayati, Rumusan dan Duga Ilmu. *QR Code* juga disertakan untuk memberikan panduan dan rujukan yang lebih meluas dan bersesuaian dengan Pembelajaran Abad Ke-21. Elemen intervensi pula merupakan ciri unik buku ini yang mengutamakan cara kerja langkah demi langkah agar menepati keperluan MBK. Aktiviti "Projek" juga diselitkan sebagai elemen terbaharu buku ini yang memberikan pendedahan tentang kaedah pembelajaran melalui pengalaman kepada murid.

Penulis berharap agar penghasilan buku teks ini dapat memberikan nafas baharu kepada MBK untuk mengekspresikan perasaan moral serta mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian. Pembelajaran dan pengalaman secara berterusan ini diharapkan dapat melengkapkan pengetahuan asas serta meningkatkan penghayatan dan amalan nilai murni dalam kalangan MBK.

**Sawalliyati binti Abd Saleh  
Lim Bee Bee**

# PENERANGAN IKON BUKU TEKS

Buku teks ini menyediakan pelbagai maklumat bagi menjanakan pemikiran MBK. Buku teks ini disusun berdasarkan ikon yang menarik agar lebih mesra MBK. Yang berikut merupakan penerangan ikon dalam penulisan buku teks ini:

<b>CETUS MINDA RANGSANGAN</b>	Memberikan pengetahuan awal kepada murid tentang topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.
<b>TAHUKAH ANDA? KONSEP</b>	Mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui set induksi yang disediakan dalam unit berkenaan.
<b>MARI FAHAMI PENGUKUHAN</b>	Mengukuhkan pemahaman dan penguasaan murid tentang topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.
<b>MARI SELAMI PENGAYAAN</b>	Menambah maklumat lain untuk pemahaman dan penguasaan murid tentang topik yang dipelajari dalam unit berkenaan.
<b>MARI HAYATI PEMULIHAN</b>	Membantu murid memahami perkara yang dipelajari dengan lebih mudah. Halaman ini menerapkan elemen intervensi.
<b>RUMUSAN</b>	Kesimpulan keseluruhan topik yang dipelajari untuk menjelaskan isi penting dalam unit berkenaan.
<b>DUGA ILMU LATIHAN</b>	Soalan dalam pelbagai bentuk untuk mengukur kefahaman dan penguasaan murid tentang perkara yang dipelajari.
<b>PROJEK</b>	Memberikan peluang kepada murid untuk mengamalkan pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian.



# PANDUAN PENGGUNAAN BUKU TEKS



## KBAT

Soalan beraras tinggi yang sesuai dengan tahap MBK bagi menguji keupayaan berfikir.



## RANGSANG MINDA

Soalan mudah yang merangsang minda murid pada setiap permulaan unit.



## PAK-21

Aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 yang sesuai dengan generasi abad ini bagi mencerna pemikiran murid.



## GLOSARI

Menjelaskan maksud perkataan yang sukar difahami dan tercatat dalam buku teks ini. Maksud perkataan ini boleh dirujuk melalui laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), [prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my).



## NOTA BESTARI

Maklumat berkaitan dengan sesuatu perkara yang dipelajari untuk memberikan pengetahuan kepada murid.



## SANTAI MINDA


Aktiviti pentaksiran dalam pelbagai cara untuk menguji kefahaman murid dalam setiap unit.

## INTERVENSI

Aktiviti amali untuk merangsang domain kognitif, komunikasi, emosi, tingkah laku, motor kasar dan motor halus.



Maklumat tambahan dalam bentuk *QR Code*. Maklumat ini boleh diakses melalui gajet semasa.



## NOTA GURU

Panduan kepada guru di dalam kelas.



# TEMA 1 INSAN BERMORAL



## NORMA MASYARAKAT

Dalam unit ini saya akan:

- 1.1.1 Memerihalkan maksud norma masyarakat.
- 1.1.2 Menjelaskan contoh-contoh norma masyarakat.
- 1.1.3 Menyatakan kepentingan norma masyarakat dalam kehidupan harian.
- 1.1.4 Membuat andaian kesan pengabaian norma masyarakat dalam kehidupan harian.
- 1.1.5 Mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian.

### CADANGAN NILAI


- Bertanggungjawab
- Hormat
- Rasional
- Kesederhanaan
- Harga Diri
- Toleransi
- Kebebasan

### RANGSANG MINDA

Pernahkah anda melakukan amalan seperti dalam gambar? Mengapakah anda melakukannya?

### GLOSARI

**Norma Masyarakat:** Peraturan dan amalan yang telah diterima oleh sesebuah masyarakat.





## AMALAN NORMA MASYARAKAT MEMBAWA KEBAIKAN

Baca kisah di bawah.

Norma masyarakat merupakan amalan dan peraturan yang telah diterima oleh sesebuah masyarakat. Amalan kunjung-mengunjung, bersalaman dan memberikan makanan kepada jiran merupakan contoh norma masyarakat yang dapat mengeratkan lagi hubungan.

Mari ikuti kisah Chilvee yang berkunjung ke rumah Mak Cik Mary bersempena dengan sambutan Hari Natal.



1 Wah, meriahnya suasana rumah terbuka Mak Cik Mary!

2 Inilah antara norma masyarakat yang patut kita amalkan, Chilvee, iaitu amalan kunjung-mengunjung.



3 Mengapakah amalan norma masyarakat penting, mak cik?

4 Amalan norma masyarakat penting kerana dapat memupuk sikap hormat-menghormati dan mengeratkan hubungan.

5 Masyarakat akan berpecah belah jika norma masyarakat diabaikan.

**SANTAI MINDA**  
Nyatakan nilai yang perlu ada bagi memastikan norma masyarakat dapat dipelihara.

1.1.1  
1.1.2  
1.1.3  
1.1.4  
1.1.5

**NOTA GURU**  
• Bimbing murid memahami norma masyarakat.  
Nilai: Bertanggungjawab, Hormat, Rasional, Harga Diri

## NORMA DIPELIHARA TRADISI DIJAGA

Baca perbualan di bawah.

Masyarakat Iban di Sarawak sangat terkenal dengan tarian ngajat. Ngajat bukan sahaja dipersembahkan semasa Hari Gawai, tetapi juga dalam acara rasmi untuk meraikan kehadiran tetamu. Ikuti perbualan Nora dan Jacklyn yang baru selesai menonton video persembahan ngajat.



**1**  
**Nora:** Jacklyn, indah sungguh ngajat tadi. Tahukah kamu bahawa ngajat ialah tarian tradisional masyarakat Iban?

**2**  
**Jacklyn:** Ya, Nora. Saya juga tahu bahawa tarian ini biasanya dipersembahkan semasa Hari Gawai dan perayaan lain yang diraikan oleh masyarakat Iban.

**3**  
**Nora:** Betul, Jacklyn. Penggunaan kostum yang menarik dan alunan peralatan muzik tradisional menjadikan tarian ini sangat unik. Tarian ini patut dikekalkan supaya warisan budaya tidak pupus.

(Sumber rujukan: Majlis Adat Istiadat Sarawak)

PAK-21

### Alas Meja

1. Guru menyediakan soalan yang berkaitan dengan contoh norma masyarakat di atas sehelai kertas sebak di atas meja.
2. Murid menuliskan jawapan di atas kertas tersebut secara bergilir-gilir.
3. Murid melakonkan contoh norma masyarakat tersebut.

### NOTA GURU

- Bimbing murid membuat carian lebih lanjut tentang tarian ngajat.
  - Bimbing murid mencari maklumat yang berkaitan dengan adat resam kaum lain.
- Nilai: Bertanggungjawab, Hormat, Rasional, Harga Diri

1.1.2  
1.1.3  
1.1.4  
1.1.5

## ADAB DIJAGA HUBUNGAN SENTOSA

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul tentang adab berkunjung dan menerima tetamu.

**Situasi 1**  
Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda berkunjung ke sekolah yang berhampiran untuk menyaksikan pertandingan pidato.

- 1 Memakai pakaian yang sopan.
- 2 Mengikut arahan yang ditetapkan.
- 3 Tidak membuang sampah merata-rata di sekolah tersebut.
- 4 Duduk di tempat yang disediakan.
- 5 Berbual-bual semasa pertandingan dijalankan.

**Situasi 2**  
Rakan anda berkunjung ke rumah terbuka anda pada hari perayaan.

- 1 Menyambut rakan dengan senyuman.
- 2 Bersalaman dan bertanya khabar.
- 3 Bermasam muka semasa menerima kehadiran rakan.
- 4 Menjemput rakan menikmati juadah yang disediakan.
- 5 Berbual-bual dengan rakan.

### KBAT

Bincangkan kepentingan menjaga adab mengikut situasi.

### NOTA GURU

- Bimbing murid memahami adab berkunjung dan menerima tetamu.
- Nilai: Bertanggungjawab, Toleransi, Rasional, Hormat

1.1.2  
1.1.3  
1.1.5




SAMPUL KEBAHAGIAAN


Sediakan sampul kebahagiaan dan tukar dengan rakan di dalam kelas.

Bahan dan peralatan:

- Kertas warna
- Gam
- Gunting
- Ungkapan
- Gula-gula
- Pensel warna
- Templat sampul




Guntingkan templat sampul yang telah dicetak.



Lipatkan templat sampul mengikut garisan.



Sapukan gam pada ruang lekat.



Hiaskan sampul mengikut kreativiti.



Masukkan ungkapan dan gula-gula.



**SANTAI MINDA**

Nyatakan ungkapan yang anda peroleh. Jelaskan perasaan anda apabila menerima sampul kebahagiaan daripada rakan.

NOTA GURU

- Cetak templat sampul dan ungkapan yang dibekalkan dalam QR Code.
  - Bimbing murid menggunakan gunting dengan cara yang selamat.
  - Bimbing murid menyatakan cara menghargai sampul yang diperolehi.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Kebebasan

Norma Masyarakat

Peraturan dan amalan yang diterima oleh sesebuah masyarakat.

Contoh

- Berpakaian sopan.

- Bertanya khabar.

- Menghormati orang yang lebih tua.

Kepentingan

- Menjaga imej diri.

- Mengeratkan hubungan.

- Melahirkan masyarakat yang harmoni.

Kesan Pengabaian

- Menjatuhkan imej diri.

- Mementingkan diri sendiri.

- Masyarakat akan berpecah belah.

## A. Bulatkan jawapan yang betul.

1

Norma masyarakat ialah  cadangan //  peraturan dan amalan yang diterima oleh sesebuah masyarakat.

2

Kita mesti  memakai lensana //  membuka kasut sebelum masuk ke dalam rumah.

3

Kita patut  mengejek //  menziarahi jiran yang sakit.

4

Semasa lalu di hadapan orang tua, kita patut  membongkokkan badan //  berlari sebagai tanda hormat.

5

Kita patut mengamalkan norma masyarakat agar  perpecahan //  perpaduan kaum terbentuk.

6

Pengabaian norma masyarakat akan mengakibatkan kita  dipulaukan //  diterima oleh masyarakat.

\* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

## B. Suaikan gambar dengan pernyataan yang tepat.

1



Menerima nasihat ibu bapa dan orang yang lebih tua.

2



Mengekalkan warisan budaya dengan memakai pakaian tradisional.

3



Memenuhi jemputan majlis rumah terbuka jiran.

4



Menjaga kebersihan anggota badan.

5



Memberikan kata-kata positif ketika menziarahi rakan yang sakit.

\* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.



## UNIT 2

## KEPERIBADIAN MULIA

Dalam unit ini saya akan:

- 1.2.1 Memerihalkan maksud keperibadian mulia.
- 1.2.2 Menyenaraikan ciri-ciri keperibadian mulia.
- 1.2.3 Menyatakan kepentingan berkeperibadian mulia.
- 1.2.4 Menghubungkan keperibadian mulia dalam pelbagai situasi.
- 1.2.5 Mengamalkan berkeperibadian mulia dalam kehidupan harian.

## CADANGAN NILAI

- Baik Hati
- Bertanggungjawab
- Kasih Sayang
- Kerjasama
- Berdikari
- Kerajinan
- Kejujuran



## RANGSANG MINDA

Nyatakan amalan berkeperibadian mulia mengikut situasi di sebelah.



## GLOSARI

**Keperibadian:** Sifat dan sikap seseorang yang membezakannya daripada yang lain.

**Mulia:** Tinggi kedudukan.





## PERIBADI MULIA TONGGAK MASYARAKAT SEJAHTERA

Baca perbualan di bawah.

Keperibadian mulia ialah ciri perwatakan individu yang selaras dengan nilai murni. Antara contoh aktiviti yang dapat memupuk keperibadian mulia termasuklah menyertai aktiviti kesukarelawanan. Aktiviti ini dapat membentuk tingkah laku positif demi kesejahteraan hidup.

1 Nathan, saya akan menjadi **sukarelawan** di rumah kebajikan esok.

2 Bagusnya, Sathis! Kamu seorang yang penyayang, baik hati dan ikhlas.

3 Terima kasih, Nathan. Saya berasa gembira apabila dapat membantu orang lain.

4 Sathis, sikap kamu sangat mulia. Bolehkah saya menjadi sukarelawan juga?

5 Boleh, Nathan. Mari kita sama-sama melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat.

### KBAT

Ramalkan kesan sekiranya tiada sesiapa ingin menjadi sukarelawan.

### GLOSARI

**Sukarelawan:** Orang yang meluangkan masa lapang dengan memberikan khidmat kepada anggota masyarakat tanpa mengharapkan sebarang ganjaran.

## CONTOH AKTIVITI KESUKARELAWANAN



Membasuh pinggan



Menyiram pokok bunga



Membuat persembahan

Selain aktiviti kesukarelawanan, amalan yang menunjukkan ciri saling menghormati, saling membantu dan bekerjasama juga dapat memupuk keperibadian mulia agar menjadi suri teladan.

### SANTAI MINDA

Nyatakan kepentingan berkeperibadian mulia.

### NOTA GURU

1.2.1  
1.2.2  
1.2.3  
1.2.4  
1.2.5

- Bimbing murid menyatakan ciri keperibadian mulia yang lain.
  - Bimbing murid memberikan contoh amalan berkeperibadian mulia yang lain.
- Nilai: Baik Hati, Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Kerjasama, Berdikari, Kerajinan, Kejujuran



KISAH ANARI

Baca cerita di bawah.



Anari seekor anak gajah yang baik hati, jujur dan peramah. Anari selalu bermain bersama-sama kawannya di hutan.



Apabila jirannya, Pak Singa jatuh sakit, Anari menziarahi Pak Singa.



Anari juga selalu membantu kawan-kawannya yang berada dalam kesusahan tanpa mengharapkan sebarang balasan.



Kawan-kawannya memberikan buah-buahan kepada Anari sebagai tanda penghargaan. Anari bersyukur dan terharu.

SANTAI MINDA

Apakah perasaan anda setelah membaca kisah Anari? Mengapakah anda patut mencontohi sikap Anari?

NOTA GURU

- Bimbing murid menghayati dan memahami kisah Anari.
- Bimbing murid menyatakan amalan berkeperibadian mulia yang boleh dicontohi daripada cerita ini. Nilai: Baik Hati, Bertanggungjawab, Kasih Sayang

1.2.2  
1.2.3  
1.2.4  
1.2.5

INSAN MULIA MASYARAKAT HARMONI

Nyatakan kepentingan berkeperibadian mulia berdasarkan situasi.

Melahirkan Keluarga Bahagia

Memupuk Semangat Kejiranan

Mengeratkan Persahabatan

Mewujudkan Masyarakat Prihatin



Bekerjasama



Saling Membantu



Saling Menghormati



Penyayang

KBAT

Selain situasi di atas, bagaimanakah anda dapat mengekalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian?

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan berdasarkan situasi yang diberikan.
- Bimbing murid mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian. Nilai: Baik Hati, Bertanggungjawab, Kasih Sayang, Kerjasama, Berdikari, Kerajinan, Kejujuran

1.2.2  
1.2.3

Amalan Keperibadian Mulia (Video)





## PELEKAT KEPERIBADIAN MULIA

Hasilkan pelekat keperibadian mulia dengan bantuan komputer.  
Lekatkan pelekat pada rakan yang mempunyai ciri tersebut.


Contoh ayat pada pelekat:

- Saya sedia membantu.
- Saya sedia mendengar.
- Saya peramah.

Bahan dan peralatan:

- Kertas pelekat kosong.
- Komputer atau komputer riba.
- Mesin pencetak warna.

1



Hasilkan pelekat menggunakan komputer.

2



Cetakkan pelekat yang siap dicipta.

3



Guntingkan pelekat mengikut bentuknya.

4



Lekatkan pelekat pada baju rakan.

PAK-21

PAK-21

## Tinjau Kongsi

1. Murid mencari contoh rekaan pelekat melalui laman web yang sesuai.
2. Murid membuat perkongsian idea.
3. Murid membandingkan hasil kerja dengan rakan lain.

## NOTA GURU

- Bimbing murid mempelbagaikan ayat untuk pelekat.
- Bimbing murid menghasilkan pelekat keperibadian mulia.  
Nilai: Baik Hati, Kasih Sayang, Berdikari, Kerajinan, Kejujuran

1.2.2  
1.2.3  
1.2.5

## KEPERIBADIAN MULIA

## • Maksud

Ciri perwatakan individu yang selaras dengan nilai murni.

## • Ciri

- ◆ Jujur.
- ◆ Ikhlas.
- ◆ Baik hati.
- ◆ Bekerjasama.
- ◆ Penyangg.
- ◆ Saling membantu.
- ◆ Saling menghormati.

## • Kepentingan


- ◆ Menjadi suri teladan.
- ◆ Membentuk tingkah laku positif.
- ◆ Menjamin kesejahteraan hidup.

## • Contoh


- ◆ Menyertai aktiviti kesukarelawanan.
- ◆ Melaksanakan tanggungjawab kejiwaan.
- ◆ Menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan.



A. Bulatkan 😊 bagi amalan berkeperibadian mulia dan bulatkan ☹️ bagi amalan tidak berkeperibadian mulia dalam kehidupan harian.

1 


😊 ☹️

2 

😊 ☹️

3 

😊 ☹️

4 

😊 ☹️

5 

😊 ☹️

6 

😊 ☹️

B. Tandakan (✓) sekiranya anda mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian.

- 1  Saya menghargai alam ciptaan Tuhan.
- 2  Saya menggunakan tutur kata yang sopan semasa bercakap.
- 3  Saya tidak mengharapkan sebarang balasan setelah menghulurkan bantuan.
- 4  Saya menjalankan tanggungjawab diri dalam sesebuah komuniti.
- 5  Saya sentiasa bersungguh-sungguh untuk berjaya.
- 6  Saya menjaga dan mengekalkan hubungan yang baik dengan ahli keluarga dan jiran.
- 7  Saya sentiasa melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah.
- 8  Saya sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang.

Hasil penilaian:

Jumlah (✓)	Pencapaian
5 - 8	Tahniah, anda seorang remaja berkeperibadian mulia!
0 - 4	Jangan putus asa. Anda patut meningkatkan amalan berkeperibadian mulia.

\* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

\* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

## PERWATAKAN KENDIRI YANG POSITIF

Dalam unit ini saya akan:

- 1.3.1 Memerihkan sifat-sifat yang membentuk perwatakan sendiri yang positif.
- 1.3.2 Menyenaikan ciri-ciri perwatakan sendiri yang positif.
- 1.3.3 Menjelaskan dengan contoh kepentingan perwatakan sendiri yang positif.
- 1.3.4 Menghubungkan perlakuan perwatakan sendiri yang positif dalam pelbagai situasi.
- 1.3.5 Mengamalkan perlakuan perwatakan sendiri yang positif dalam kehidupan.

### CADANGAN NILAI

- Bertanggungjawab
- Kasih Sayang
- Kerajinan
- Kesederhanaan
- Rasional
- Toleransi

### RANGSANG MINDA

Nyatakan ciri perwatakan sendiri yang positif.

### GLOSARI

**Kendiri:** Sendiri.

**Positif:** Memperlihatkan sesuatu yang baik atau yang boleh mendatangkan manfaat.





## PERWATAKAN KENDIRI YANG POSITIF TANGGA KEJAYAAN

Baca kisah yang berikut:



Clarence Kang Zheng Wei dilahirkan pada 16 Mac 1998. Beliau merupakan seorang **autisme** dan hiperaktif, tetapi hebat bermain piano. Sejak kecil lagi, beliau menghadapi masalah komunikasi. Beliau cuba mengatasi kelemahannya dengan menggunakan muzik dan lukisan untuk meluahkan perasaan.

Clarence Kang Zheng Wei



Clarence belajar bermain piano pada usia 10 tahun. Beliau berjaya mengadakan konsert solo pada usia 13 tahun. Kegigihan beliau membuahkan hasil apabila berjaya memperoleh Diploma *Associate of the London College of Music (ALCM)* di University of West London pada tahun 2018.

Clarence giat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kebajikan untuk memberikan kesedaran tentang kanak-kanak autisme. Beliau berkongsi pengalamannya dengan harapan dapat mengubah pandangan masyarakat terhadap keupayaan kanak-kanak autisme.



(Gambar Ihsan: Clarence Kang Zheng Wei)

Clarence mempunyai ciri perwatakan sendiri yang positif, iaitu berdisiplin dan berdikari yang membolehkannya mencipta nama di pentas antarabangsa dan menjadi inspirasi kepada orang ramai.

### GLOSARI

**Autisme:** Gangguan saraf yang memberikan kesan dalam perkembangan komunikasi sosial, interaksi sosial dan tingkah laku yang berulang-ulang dan terhad.

(Sumber: <http://iautism.my/ms/about-autism/>)

### KBAT

Mengapakah sendiri yang positif penting dalam kehidupan kita?

### NOTA GURU

- 1.3.1
  - 1.3.2
  - 1.3.3
  - 1.3.4
  - 1.3.5
  - Bimbing murid menghayati kisah Clarence Kang Zheng Wei.
  - Bimbing murid memahami perwatakan sendiri yang positif.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional, Kerajinan, Toleransi

Perwatakan Kendiri yang Positif Tangga Kejayaan (Video)



(Ihsan: Clarence Kang Zheng Wei)



## PERWATAKAN KENDIRI YANG POSITIF TUNJANG KECEMERLANGAN

Baca kisah yang berikut:

1



Yi Min mempunyai **iltizam** yang tinggi. Beliau bergiat aktif dalam program khidmat masyarakat. Beliau selalu membantu mereka yang memerlukan.

Kepentingan melibatkan diri dalam program khidmat masyarakat.

Mengurangkan beban orang yang berada dalam kesusahan.

2



Diana memiliki sikap keterbukaan. Beliau sedia menerima pendapat dan teguran orang lain. Beliau sentiasa menerima tunjuk ajar guru dengan hati terbuka semasa berada di dalam kelas masakan.

Kepentingan sikap keterbukaan.

Menguasai kemahiran memasak yang dipelajari.

### SANTAI MINDA

Apakah ciri perwatakan sendiri yang positif anda?

### GLOSARI

**Iltizam:** Keterlibatan secara bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu.

### NOTA GURU

- Bimbing murid menyatakan ciri perwatakan sendiri yang positif.
  - Bimbing murid menyatakan kepentingan perwatakan sendiri yang positif.
- Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Rasional

1.3.1  
1.3.2  
1.3.3  
1.3.4

## AMALAN PERWATAKAN KENDIRI YANG POSITIF

Teliti gambar dan padankan dengan amalan yang sesuai.



Menjaga penampilan diri.

Melibatkan diri secara aktif dalam program komuniti.

Menghulurkan bantuan dengan ikhlas.

Bergiat cergas dalam aktiviti sukan.



### KBAT

Bincangkan amalan perwatakan sendiri yang positif yang ada pada diri anda.

### NOTA GURU

- Bimbing murid membincangkan soalan KBAT.
- Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab, Rasional

1.3.4  
1.3.5

### KALUNGAN BUNGA MALAI POSITIF

Hasilkan bunga malai. Kalungkan bunga malai tersebut kepada individu yang mempunyai perwatakan sendiri yang positif.

**Bahan dan peralatan:**

- Kertas tisu pelbagai warna
- Benang
- Gunting



**NOTA GURU**

- Bimbing murid menghasilkan bunga malai.
  - Guru boleh membuat modifikasi bahan.
- Nilai: Rasional, Kesederhanaan, Kerajinan

### PERWATAKAN KENDIRI YANG POSITIF





A. Sambungkan titik yang menunjukkan ciri perwatakan sendiri yang positif.

●	●	●
pasif	mesra	pemalu
●	●	●
peramah	sombong	kreatif
●	●	●
inovatif	kedekut	optimis
●	●	●
yakin diri	aktif	tekun

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

B. Lihat gambar dan bulatkan jawapan yang betul.



1. Pilih ciri perwatakan sendiri yang positif.

A. Cepat mengalah.

B. Tidak berputus asa.

2. Apakah amalan perwatakan sendiri yang positif dalam situasi di atas?

A. Berani dan bersedia untuk menghadapi cabaran.

B. Berasa risau dan takut semasa menghadapi cabaran.

3. Apakah kepentingan perwatakan sendiri yang positif dalam kehidupan?

A. Menemui kegagalan.

B. Memperoleh kejayaan.

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.



# UNIT 4

## SIKAP HORMAT DALAM INTERAKSI SOSIAL

Dalam unit ini saya akan:

- 1.4.1 Menjelaskan maksud hormat dalam interaksi sosial.
- 1.4.2 Menjelaskan contoh sikap hormat dalam interaksi sosial.
- 1.4.3 Menyatakan kepentingan sikap hormat dalam interaksi sosial.
- 1.4.4 Melahirkan perasaan apabila dihormati orang lain.
- 1.4.5 Mengamalkan sikap hormat dalam komunikasi dan interaksi dengan yakin.

### CADANGAN NILAI

- Hormat
- Bertanggungjawab
- Hemah Tinggi
- Kerjasama
- Kasih Sayang
- Harga Diri
- Berterima Kasih



### RANGSANG MINDA

Nyatakan amalan yang ditunjukkan dalam gambar.



### GLOSARI

**Hormat:** Memuliakan dan menghargai.

**Interaksi Sosial:** Hubungan yang aktif dalam masyarakat.





## HORMAT TERAS PERPADUAN

### Baca situasi di bawah.

Sikap hormat dalam interaksi sosial bermaksud sikap memuliakan dan menghargai ketika menjalinkan hubungan dalam masyarakat. Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh mendidik dan membentuk sikap hormat.

Ikuti kisah Siew Goon dan rakan-rakannya yang berkunjung ke Kampung Lonek, Negeri Sembilan untuk menimba pengalaman melakukan aktiviti warisan masyarakat kampung tersebut.

1 Halim, apakah aktiviti menarik yang terdapat di kampung kamu?

2 Antara aktiviti menarik di kampung saya termasuklah aktiviti mengoca, membuat dodol cair dan menumbuk empeng.

1 Wah, hebatnya kamu dapat menangkap ikan dengan menggunakan tangan sahaja!

2 Terima kasih, abang. Inilah aktiviti mengoca. Mari saya tunjukkan caranya.

1 Mak cik, rehatlah dahulu sambil makan kuih ini. Biar saya gantikan mak cik mengacau dodol.

2 Baiknya kamu, Mei Jing. Terima kasih.

1 Seronoknya! Hari ini saya menimba pengalaman menumbuk empeng.

2 Aktiviti menumbuk empeng ini dapat mengeratkan hubungan dan meningkatkan semangat kerjasama antara kita.

3 Ya, beginilah caranya untuk memupuk sikap hormat dan toleransi. Perpaduan juga akan terjalin erat.

### KBAT

1. Apakah aktiviti atau amalan warisan yang masih diamalkan di tempat anda?
2. Bagaimanakah aktiviti tersebut dapat mendidik sikap hormat masyarakat setempat?

### NOTA GURU

1.4.1  
1.4.2  
1.4.3  
1.4.4  
1.4.5

- Bimbing murid memahami aktiviti mengoca, membuat dodol cair dan menumbuk empeng.
  - Bimbing murid membuat simulasi aktiviti masyarakat yang boleh memupuk sikap hormat.
- Nilai: Hormat, Hemah Tinggi, Berterima Kasih, Kerjasama, Kasih Sayang



SELOKA HORMAT

Lagukan seloka di bawah.

Hormat yang tua, kasih yang muda,  
Hormat kita sesama bangsa,  
Hormat itu memandang tinggi,  
Hormat juga laku yang sopan.

Hormat kata, hormat perbuatan,  
Hormat pada setiap masa,  
Panggilan hormat, erat hubungan,  
Bertolak ansur, tambahkan sayang.

*Negaraku* lagu bersama,  
Berdiri kita menyanyikannya,  
Berterima kasih maaf memaafkan,  
Barulah hidup damai sejahtera.

Malaysia negara berbilang kaum,  
Kaya budaya juga bahasa,  
Hormat menjadi ikatan kita,  
Gembira rasa diamal bersama.

Ciptaan: Sawalliyati Abd Saleh



Seloka Hormat (Audio)



KBAT

Bincangkan keadaan masyarakat di Malaysia sekiranya tidak mengamalkan sikap hormat dalam kehidupan harian.

GLOSARI

**Seloka:** Puisi yang mengandungi ajaran (sindiran, jenaka dan lain-lain).

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan gerakan kreatif berdasarkan seloka. Nilai: Hormat, Berterima Kasih, Hemah Tinggi

1.4.1  
1.4.2  
1.4.3  
1.4.4

SELANGKAH KE ALAM KERJAYA

Baca dan lakonkan semula simulasi yang berikut:

1 Selamat pagi, puan.

2 Selamat pagi. Sila duduk.

3 Terima kasih.

4 Sila perkenalkan diri.

5 Saya Devi a/p Jeyakumar, berusia 18 tahun dan berpengalaman membantu ayah bekerja di kedai makan.

6 Apakah sikap yang perlu anda tunjukkan semasa melayan pelanggan?

7 Saya perlu sentiasa senyum, mencatat pesanan yang dibuat dengan betul dan menyapa pelanggan dengan panggilan hormat.

8 Terima kasih kerana menghadiri temu duga ini. Kami akan memaklumkan keputusannya nanti.

9 Terima kasih puan kerana memberikan peluang kepada saya menghadiri temu duga ini.

SANTAI MINDA

Senaraikan sikap hormat berdasarkan simulasi di atas.

NOTA BESTARI

**Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA):** Program kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pihak industri untuk mengembangkan potensi, minat dan kemahiran murid sebagai persediaan ke alam pekerjaan.

NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan simulasi temu duga.
- Guru boleh memberikan contoh soalan dan etika temu duga yang lain semasa menjalankan simulasi ini. Nilai: Hormat, Harga Diri, Berterima Kasih, Hemah Tinggi

1.4.2  
1.4.4  
1.4.5



## SEGI TIGA HORMAT

Lakukan aktiviti di bawah.



### Panduan Permainan:

1. Sediakan tiga buah meja beserta tanda "Kedai Runcit", "Kedai Alat Tulis" dan "Kedai Cenderamata".
2. Tiga orang murid akan diberikan tanggungjawab sebagai peniaga, iaitu seorang murid bagi setiap kedai.
3. Murid lain akan menjadi pelanggan.
4. Peniaga boleh menghias meja untuk menarik minat pelanggan.
5. Peniaga dan pelanggan akan dibekalkan wang tunai.
6. Peniaga dan pelanggan perlu berkomunikasi dengan baik semasa berurus niaga.
7. Pelanggan akan memilih peniaga yang paling berhemah, manakala peniaga akan memilih pelanggan yang paling berhemah semasa berurus niaga.
8. Rujuk QR Code untuk melihat contoh ayat komunikasi berhemah yang boleh digunakan semasa berurus niaga.



SANTAI MINDA

Bagaimanakah anda menunjukkan sikap hormat semasa membuat urusan rasmi?

Ayat Komunikasi Semasa Jual Beli (PDF)



### NOTA GURU

1.4.2  
1.4.5

- Guru membekalkan wang sebenar kepada murid.
  - Guru boleh menggantikan kedai kepada premis rasmi.
- Nilai: Hormat, Hemah Tinggi, Bertanggungjawab

## SIKAP HORMAT DALAM INTERAKSI SOSIAL

### Maksud

Sikap memuliakan dan menghargai hubungan dalam masyarakat.

### Keperluan

- Didik individu agar saling menghargai dan membantu.
- Pupuk sikap toleransi dalam kalangan masyarakat.

### Perasaan

Gembira apabila dihormati oleh orang lain.

### Contoh Amalan Sikap Hormat

#### Perbuatan

Membantu orang yang lebih tua.

#### Pertuturan

Menggunakan panggilan hormat yang sesuai.

A. Isi tempat kosong dengan contoh sikap hormat melalui pertuturan dan perbuatan.

Ucapan terima kasih.


Contoh sikap hormat melalui pertuturan.

Contoh sikap hormat melalui perbuatan.

Memandang wajah ketika bercakap.

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

B. Selesaikan permainan pagar sesat (maze) di bawah berdasarkan nombor soalan dan jawapan yang dipilih.



- 1 Berikan maksud hormat.  
A. Bercakap kasar.  
B. Memberikan layanan sopan kepada orang lain.
- 2 Antara dialog berikut, yang manakah menunjukkan contoh sikap hormat?  
A. Maafkan saya kerana terlewat.  
B. Awak ini menyusahkan saya sahaja.
- 3 Nyatakan kepentingan amalan sikap hormat.  
A. Masyarakat menjadi lebih bertoleransi.  
B. Sukar untuk mendapatkan bantuan semasa dalam kesusahan.
- 4 Apakah perasaan anda jika dihormati oleh orang lain?  
A. Saya akan berasa malu.  
B. Saya akan berasa dihargai.

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.



## KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Dalam unit ini saya akan:

- 1.5.1 Memerihalkan keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.
- 1.5.2 Mengenal pasti contoh keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.
- 1.5.3 Menjelaskan kepentingan keadilan dan keprihatinan.
- 1.5.4 Melahirkan perasaan apabila membuat keputusan secara adil dan prihatin.
- 1.5.5 Mengamalkan keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian.

### CADANGAN NILAI

- Rasional
- Kesederhanaan
- Kasih Sayang
- Bertanggungjawab
- Kerjasama
- Keberanian
- Toleransi



### RANGSANG MINDA

Jika anda merupakan individu dalam gambar, apakah keputusan anda?



### GLOSARI

**Adil:** Tidak menyebelahi mana-mana pihak.

**Prihatin:** Kesungguhan memberikan perhatian terhadap sesuatu.



Saya patut memberikan sumbangan ini kepada siapa? Adakah pesakit di hospital atau warga emas di rumah orang-orang tua?



## KEPUTUSAN ADIL DAN PRIHATIN

### Baca perbincangan yang berikut:

Kemahiran membuat keputusan merupakan proses membuat pertimbangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

### Langkah Membuat Keputusan

1. Mengenal pasti masalah.
2. Mengumpulkan maklumat.
3. Menyenaraikan pilihan.
4. Menilai setiap pilihan.
5. Membuat keputusan mengikut penilaian yang telah dibuat.



1 Selamat sejahtera. Perjumpaan kita pada hari ini adalah untuk membincangkan sumbangan bagi pembinaan jambatan yang telah rosak di kampung ini.

2 Keputusan ini perlulah adil, iaitu tidak menyebelahi mana-mana pihak dan prihatin dengan kemampuan penduduk kampung.

3 Berdasarkan kos pembinaan, setiap keluarga perlu menyumbang antara RM300 hingga RM500.

4 Jumlah itu terlalu tinggi. Kami tidak mampu.

6 Bagus cadangan itu. Keputusan yang adil dan prihatin begini amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup. Saya setuju. Bagaimanakah dengan yang lain?

5 Saya cadangkan kita bina jambatan itu bersama-sama. Bagi jumlah kutipan pula, setiap keluarga boleh memberikan sumbangan mengikut kemampuan.



7 Kami semua setuju.

8 Saya gembira melihat penduduk kampung ini bersikap toleransi dan tidak mementingkan diri.

**KBAT**

Kenal pasti langkah membuat keputusan yang digunakan dalam perbincangan ini.

PAK-21

PAK-21

### Perbincangan Meja Bulat

1. Seorang murid menjadi ketua untuk mempengerusikan perbincangan.
2. Seorang murid menjadi pencatat dan murid lain akan memberikan pendapat semasa perbincangan secara bergilir-gilir.
3. Wakil kumpulan akan membentangkan hasil perbincangan.

### NOTA GURU

1.5.1  
1.5.2  
1.5.3  
1.5.4  
1.5.5

- Bimbing murid mengenal pasti langkah membuat keputusan.
  - Guru mencadangkan isu dan membimbing murid menjalankan perbincangan meja bulat.
- Nilai: Rasional, Kesederhanaan, Bertanggungjawab, Kerjasama, Kasih Sayang



**KAMI ADIL, KAMI PRIHATIN**

Baca bicara berirama di bawah.

Dalam misi membuat keputusan,  
Kami datang untuk membantu... zussshhhhhhhh,  
A.D.I.L adil!  
P.R.I.H.A.T.I.N prihatin!  
Eh... siapa awak berdua ni?  
Saya adil,  
Saya pula prihatin,  
Kami membuat keputusan,  
Supaya tidak menyebelahi dan,  
Tidak membebankan.

Oooooo...,  
Kawan-kawan...,  
Mari-mari, kita agihkan tugas,  
Senaraikan tugasan,  
Lihat kemampuan,  
Tugas berat ramai ahlinya,  
Tugas ringan cukup seorang.

Yeaaaaa...,  
Inilah adil dan prihatin,  
Adil dan prihatin membawa kesejahteraan,  
Kita gembira...,  
Kita senang hati...,  
Membuat keputusan?  
Fikir dahulu.

**SANTAI MINDA**

Jelaskan perasaan anda apabila dapat membuat keputusan dengan betul.

Bicara Berirama  
(Video)



**NOTA GURU**


- Bimbing murid mempersembahkan bicara berirama dengan nada dan ekspresi yang sesuai.  
Nilai: Rasional, Kesederhanaan, Kerjasama

1.5.1  
1.5.2  
1.5.3  
1.5.4  
1.5.5

**SAMPAN RASIONAL**

Lakukan aktiviti di bawah.

Langkah membuat origami sampan.



**Situasi**

Anda dan enam orang penumpang lain telah terselamat daripada nahas kapal karam dan terdampar di sebuah pulau. Untuk ke kawasan yang selamat, terdapat sebuah sampan yang boleh memuatkan tiga orang sahaja. Siapakah yang akan anda pilih untuk bersama-sama dengan anda ke kawasan yang selamat?

**Panduan Permainan:**

- Guru mencetak watak penumpang yang dibekalkan dalam QR Code untuk setiap murid.
- Pilih dua watak penumpang untuk diselamatkan.
- Guntingkan watak penumpang untuk belayar di dalam besen berisi air.
- Bentangkan rasional pemilihan penumpang tersebut.

Penumpang  
(PDF)



**NOTA GURU**

- Bimbing murid menghasilkan origami sampan.
- Bimbing murid membuat pembentangan.  
Nilai: Rasional, Kesederhanaan, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab

1.5.3  
1.5.4

### JADUAL TUGASAN KELAS

Pilih watak dan perwatakan yang berikut dan sesuaikan dengan tugas secara adil dan prihatin.

#### Murid Tingkatan 4 Bestari

Victor (rendah)	Rinong (tinggi)	Grace (berjalan pantas)
Selvi (berkerusi roda)	Regina (kulit sensitif)	Henry (kreatif)

Tugasan	Nama
Menyapu lantai.	
Memadam papan putih.	
Menghias papan kenyataan.	
Mengumpul buku latihan.	
Mengemas rak buku.	
Membuang sampah.	

**SANTAI MINDA**  
Terangkan sebab pemilihan ahli kelas dengan tugas yang diberikan.

**NOTA GURU**

- Bimbing murid membuat keputusan yang adil dan prihatin.  
Nilai: Rasional, Toleransi, Kesederhanaan

1.5.3  
1.5.4  
1.5.5

## KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

### Maksud

**Keadilan:** Sikap yang menyebelahi pihak yang benar.  
**Keprihatinan:** Sikap mengambil berat, prihatin terhadap sesuatu perkara.

### Contoh

Ketua kelas merancang jadual tugasan mengikut kesesuaian dan kemampuan ahli.

### Keperluan


Dapat menjamin kesejahteraan hidup dan mengeratkan hubungan sesama masyarakat.

### Perasaan

Gembira dan senang hati apabila membuat keputusan dengan betul.



A. Warnakan perkataan yang berkaitan dengan keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.




Apakah gambar yang anda peroleh?



\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

B. Lengkapkan teka silang kata dengan jawapan yang betul.



**Melintang**

- 1 Chen berasa \_\_\_\_\_ apabila dapat membuat keputusan dengan adil dan prihatin.
- 3 Keputusan adil dan prihatin penting dalam menjamin \_\_\_\_\_ hidup.
- 5 Kita perlu berfikir secara \_\_\_\_\_ semasa membuat keputusan.

**Menegak**

- 2 \_\_\_\_\_ ialah sikap ambil berat.
- 4 Sikap penghulu yang adil dan prihatin dalam membuat keputusan menjadikan hubungan sesama penduduk bertambah \_\_\_\_\_.
- 6 Ketua kelas mengagihkan tugas secara \_\_\_\_\_ dan prihatin.

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

## PENGGUNAAN SUMBER DAN MAKLUMAT YANG SAHIH

Dalam unit ini saya akan:

- 1.6.1 Mengenal pasti sumber dan maklumat yang sahih.
- 1.6.2 Menyaring sumber yang sahih dalam mengumpul maklumat dan fakta.
- 1.6.3 Menghurai kesan penyebaran maklumat dan fakta tidak sahih terhadap individu.
- 1.6.4 Melahirkan perasaan apabila menggunakan maklumat dan fakta yang sahih.
- 1.6.5 Menggunakan maklumat dan fakta yang sahih dalam kehidupan harian.

### CADANGAN NILAI

- Rasional
- Kejujuran
- Hemah Tinggi



### RANGSANG MINDA

Nyatakan contoh lain bagi sumber manusia, sumber bercetak dan sumber elektronik.



### GLOSARI

**Sumber:** Asal, mula, punca.  
**Maklumat:** Keterangan atau butir-butir tentang sesuatu.  
**Sahih:** Pasti, benar, sah.





## BIJAK MENILAI SUMBER MAKLUMAT

Baca perbualan yang berikut:

1 Papa, esok saya tidak perlu pergi ke sekolah. Saya terima mesej bahawa sekolah telah terbakar.

2 Mesej yang kamu terima itu tidak benar. Papa dapat maklumat daripada guru bahawa mesej itu palsu.

5 Baik, papa. Terima kasih kerana mengingatkan saya. Saya berjanji akan mendapatkan sumber maklumat yang sahih terlebih dahulu.

4 Betul. Perbuatan menyebarkan berita palsu ini akan menimbulkan kekeliruan dan fitnah serta memalukan diri sendiri.

3 Wei Lun, kamu perlu **menyaring** sumber maklumat yang diperoleh. Kamu juga harus bijak menilai kesahihannya. Jangan terus percaya bulat-bulat dengan berita yang diterima.

## GLOSARI

**Menyaring:** Memilih untuk mendapatkan mana-mana yang baik.

## SANTAI MINDA

Pernahkah anda menerima berita palsu? Kongsi pengalaman anda.

## KBAT

Mengapakah kita patut menyaring maklumat yang diterima?

Klik dengan Bijak (Pautan)



## NOTA GURU

1.6.1  
1.6.2  
1.6.3  
1.6.4  
1.6.5

- Bimbing murid mencari maklumat yang sahih.
  - Bimbing murid mengetahui kesan penyebaran maklumat yang palsu.
- Nilai: Rasional, Kejujuran, Hemah Tinggi



**PADAH MAKLUMAT TIDAK SAH**

Teliti situasi dalam gambar yang berikut:

**SITUASI A**




PAK-21

**Giliran Robin**

1. Secara berpasangan, murid bergilir-gilir menyatakan kesan sumber dan maklumat yang tidak sahih.
2. Murid berkongsi jawapan dengan kumpulan yang lain.

**SITUASI B**



**SANTAI MINDA**

Apakah perasaan Jessie apabila menyedari dia telah tertipu?

**KBAT**

Bincangkan pengajaran yang telah anda peroleh daripada situasi di atas.

**NOTA GURU**

- Bimbing murid mengenal pasti laman web yang sahih.
- Nilai: Rasional, Kejujuran, Hemah Tinggi

1.6.1  
1.6.3  
1.6.4  
1.6.5



## SAYA MENYESAL, SAYA MENGAKUI KESALAHAN

Baca maklumat di bawah.

### LUAHAN PERASAAN

Aku ingin berbicara tentang diriku. Aku sering berkongsi maklumat palsu dalam laman web. Aku bertindak demikian untuk menarik perhatian orang ramai. Aku pernah memburukkan sahabatku dalam media sosial. Aku juga menggunakan gambar sahabatku tanpa kebenaran.

Kini, sahabat-sahabatku semakin menjauhkan diri daripadaku. Aku sangat sedih. Aku menyesal kerana menyalahgunakan maklumat. Sekarang, aku hidup dalam kesunyian. Adakah aku akan dimaafkan?



#### SANTAI MINDA

Pernahkah maklumat peribadi anda disebarikan tanpa kebenaran? Kongsikan pengalaman anda.

#### NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan menggunakan maklumat yang sahih. Nilai: Rasional, Kejujuran, Hemah Tinggi

1.6.3  
1.6.4  
1.6.5

## PERMAINAN TELEFON KARAT “RING RING”

Lakukan permainan di bawah.

#### Panduan Permainan:

- Bentukkan dua kumpulan.
- Pemain pertama bagi setiap kumpulan akan diberikan mesej bertulis.
- Pemain pertama perlu menyebut “ring ring” sebelum menyampaikan mesej tersebut kepada pemain kedua.
- Langkah ini akan diteruskan sehingga pemain terakhir.
- Pemain terakhir perlu menyebut semula mesej tersebut kepada guru.

Contoh mesej bertulis:  
Jangan sebarikan berita palsu.

Mesej akan dapat disampaikan dengan tepat.

“Ring, Ring”.  
Jangan sebarikan berita palsu.



#### SANTAI MINDA

Apakah pengajaran yang boleh anda peroleh daripada permainan di atas?

1.6.5

#### NOTA GURU

- Guru boleh mempelbagaikan contoh dan cara penyampaian mesej bertulis. Nilai: Rasional, Kejujuran, Hemah Tinggi

## PENGGUNAAN SUMBER DAN MAKLUMAT YANG SAH

### Jenis Sumber

- Laman web rasmi.
- Berita televisyen.
- Buku.
- Pihak yang berkaitan.


### Cara Menyaring Maklumat

- Mengenal pasti maklumat daripada sumber yang boleh dipercayai.
- Menilai kesahihan maklumat.
- Memeriksa kesahihan maklumat.
- Bertanya pendapat orang lain.
- Merujuk pihak yang berkaitan.

### Kesan Penyebaran Maklumat dan Fakta yang Tidak Sah

- Memalukan diri sendiri.
- Mengganggu fikiran dan ketenteraman.
- Dikenakan tindakan undang-undang.
- Hilang kepercayaan daripada orang lain.

### A. Jawab soalan di bawah.



Sumber: Majlis Adat Istiadat Sarawak dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Sabah

1. Apakah tanggungjawab pengguna media sosial yang berhemah?

- A. Mengenal pasti kesahihan sumber dan maklumat sebelum menyebarkannya.
- B. Menyebarkan berita yang diragui kepada ahli keluarga dan rakan.

2. Mengapakah kita patut menyaring sumber dan maklumat yang diterima?

- A. Supaya kita lebih dikenali.
- B. Supaya sumber dan maklumat yang diterima tepat.

3. Apakah tindakan anda apabila mendapati maklumat peribadi anda telah disalahgunakan dalam laman web?



- A. Melaporkannya kepada ibu bapa atau guru.
- B. Mendingamkan diri dan tidak perlu mengambil apa-apa tindakan.

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.



B. Lengkapkan peta pemikiran di bawah.

Kesan penyebaran  
maklumat dan fakta  
tidak sahih terhadap  
individu.



## TEMA 2 MORAL DAN KENEGARAAN

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.



## HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGANEGARA

Dalam unit ini saya akan:

- 2.1.1 Menyatakan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 2.1.2 Memerihalkan kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 2.1.3 Menjelaskan dengan contoh kesan pengabaian hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 2.1.4 Mengekspresikan perasaan apabila mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 2.1.5 Mengamalkan tanggungjawab sebagai warganegara dalam kehidupan harian.

### CADANGAN NILAI

- Patriotisme
- Bertanggungjawab
- Kebebasan
- Hormat
- Berterima Kasih

### RANGSANG MINDA

Apakah hak yang anda peroleh sebagai rakyat Malaysia?

### GLOSARI

**Hak:** Milik atau kepunyaan.  
**Tanggungjawab:** Sesuatu yang mesti dilakukan atau kewajipan.





## TUNTUT HAK, TUNAIKAN TANGGUNGJAWAB

Baca perbualan yang berikut:

Sebagai warganegara Malaysia, kita berhak untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri, iaitu MyKad. Kita bertanggungjawab menjaga MyKad dengan sebaik-baiknya. Ikuti lawatan ilmiah murid-murid SMK Kampung Jaya ke Jabatan Pendaftaran Negara.



1 Selamat datang ke Jabatan Pendaftaran Negara. Saya, Encik Sabri. Terima kasih kerana sudi datang ke sini.

2 Terima kasih kerana sudi menerima kunjungan kami, Encik Sabri.



3 Encik Sabri, bilakah kita boleh memiliki MyKad?

4 Warganegara Malaysia wajib mendaftar untuk mendapatkan MyKad pada usia 12 tahun dan perlu memperbaharunya pada usia 18 tahun.

5 Apakah kegunaan MyKad?

6 MyKad merupakan dokumen pengenalan diri untuk setiap warganegara Malaysia dan wajib dibawa ke mana-mana sahaja.



7 Apakah yang terkandung dalam MyKad?

8 MyKad mengandungi maklumat tentang nombor kad pengenalan, nama, alamat, keturunan, status kerakyatan, agama dan rekod cap jari untuk mengelakkan penyamaran.

9 Apakah kesannya jika kita kehilangan MyKad?

10 Denda akan dikenakan bagi setiap kehilangan MyKad atas kecuaiannya sendiri. Laporan kehilangan patut dibuat untuk permohonan MyKad baharu.

11 Pelbagai hak yang kita peroleh sebagai rakyat Malaysia. Kita bertanggungjawab untuk menjaga dan menggunakan hak tersebut dengan sebaiknya-baiknya.

12 Betul, Encik Sabri. Kami bangga menjadi rakyat Malaysia. Sikap bertanggungjawab dapat mendidik kami sayang akan negara. Terima kasih, Encik Sabri.

13 Sama-sama.



Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

PAK-21

### Tinjauan

Secara berpasangan, anda dikehendaki membuat tinjauan tentang bilangan:

- \* Murid yang telah memperbaharu MyKad.
- \* Murid yang pernah kehilangan MyKad.

### NOTA GURU

- Bimbing murid menjalankan aktiviti PAK-21.
- Nilai: Bertanggungjawab, Patriotisme, Hormat, Berterima Kasih

2.1.1  
2.1.2  
2.1.3  
2.1.4  
2.1.5



## MENGUNDI MERUPAKAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB KITA

Baca poster di bawah.



# MAKLUMAT MENGUNDI

## Apakah yang anda perlu tahu?

**Jenis pilihan raya**

- Pilihan Raya Kecil (PRK).
- Pilihan Raya Umum (PRU).

**Mengapakah perlu mengundi?**

- Hak sebagai warganegara seperti dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 119.
- Memilih pemimpin.

**Apakah kesan jika tidak mengundi?**

- Tidak terlibat dalam proses pemilihan pemimpin.
- Tidak mengutamakan kepentingan negara.

**Syarat Kelayakan Mengundi (Pautan)**



**Tatacara Mengundi (Infografik)**



Ihsan: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

## TANGGUNGJAWAB DIPIKUL, NEGARA UNGGUL

Baca maklumat di bawah.





Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara.



Menyertai kempen derma darah.



Menghormati dan berdiri tegak semasa menyanyikan lagu *Negaraku*.



Menjalinkan hubungan baik dan saling menghormati antara kaum.



Berusaha menjaga **kelestarian** alam sekitar.



### NOTA BESTARI

Pilihan raya merupakan proses demokrasi untuk memilih pemimpin bagi mewakili sekumpulan masyarakat atau rakyat yang dilakukan secara undian.

### NOTA GURU

- Bimbing murid memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengundi.  
Nilai: Bertanggungjawab, Patriotisme, Kebebasan, Hormat

2.1.2  
2.1.3



### SANTAI MINDA

Nyatakan contoh tanggungjawab sebagai warganegara selain contoh di atas.

### NOTA GURU

- Guru memberikan penerangan tentang prinsip Rukun Negara kepada murid.  
Nilai: Bertanggungjawab, Patriotisme, Hormat

2.1.1  
2.1.5



### GLOSARI


**Kelestarian:** Keadaan persekitaran yang terpelihara seperti asal.



## BEG HAK DAN TANGGUNGJAWAB


Hasilkan beg daripada baju terpakai. Beg ini boleh digunakan untuk mengurangkan penggunaan plastik. Jadilah warganegara yang baik dengan menjaga kelestarian alam.

Bahan dan peralatan:  
Kemeja-T, Gunting, Tali, Pen Penanda.




1

Potongkan lengan baju.



2

Buat lubang pada bahagian bawah baju dengan jarak 4cm.



3

Masukkan dan ikatkan tali dalam lubang pertama. Sulamkan tali pada lubang.



4

Ikatkan tali pada kedua-dua hujung baju.



5

Tuliskan slogan pada beg, "KURANGKAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK".



6

Beg yang telah siap.



## SANTAI MINDA

Apakah tanggungjawab sebagai warganegara yang patut anda laksanakan melalui aktiviti di atas?

## NOTA GURU

- Guru boleh memberikan intervensi dalam kemahiran menjahit.  
Nilai: Bertanggungjawab

2.1.1  
2.1.5

## HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGANEGARA

## Maksud

**Hak:** Milik atau kepunyaan.  
**Tanggungjawab:** Kewajipan yang perlu dilaksanakan sebagai rakyat Malaysia.

## Contoh

**Hak:**

- Mendapatkan MyKad.
- Mengundi.

**Tanggungjawab:**

- Menjaga MyKad sebaik-baiknya.
- Membuang undi.

## Kepentingan

- Membuktikan semangat cinta akan negara.


## Kesan Pengabaian

- Imej negara terjejas.
- Tidak mengutamakan kepentingan negara.

## Perasaan

- Bangga dan bersyukur menjadi warganegara Malaysia.

A. Terjemahkan kod Braille yang berikut dan tuliskan semula jawapan dalam petak yang disediakan.



1. Hargai sebagai warganegara.  
 \_\_\_\_\_
2. Malaysia tanah air kita.  
 \_\_\_\_\_
3. Mari , tunaikan tanggungjawab.  
 \_\_\_\_\_

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Pilihan Raya Kecil DUN Ketapang akan diadakan pada bulan Mei.

1. Apakah hak yang diperoleh berdasarkan pernyataan di atas?  
 \_\_\_\_\_

Kunalan mengasingkan sampah untuk tujuan kitar semula.

2. Apakah amalan bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh Kunalan?  
 \_\_\_\_\_

Darren kehilangan MyKad.

3. (a) Apakah yang perlu dilakukan oleh Darren?  
 \_\_\_\_\_

(b) Nyatakan kesan atas kecuaiannya Darren.  
 \_\_\_\_\_

4. Mengapakah kita perlu menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara?  
 \_\_\_\_\_

5. Apakah perasaan anda menjadi rakyat Malaysia?  
 \_\_\_\_\_

Menjaga kelestarian alam.

Saya berasa bangga dan bersyukur.

Hak mengundi.

Membuktikan semangat cinta akan negara.

Dikenakan denda.

Melaporkan kehilangan MyKad.

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.



## PERPADUAN DALAM MASYARAKAT

Dalam unit ini saya akan:

- 2.2.1 Memerihalkan maksud perpaduan.
- 2.2.2 Memberikan contoh amalan perpaduan dalam masyarakat.
- 2.2.3 Menjelaskan kepentingan amalan perpaduan dalam masyarakat.
- 2.2.4 Mengekspresikan perasaan terhadap usaha memupuk perpaduan masyarakat.
- 2.2.5 Mengamalkan hidup bersatu padu dalam masyarakat yang berbeza agama, bahasa, budaya dan bangsa dalam kehidupan harian.

### CADANGAN NILAI




- Baik Hati
- Toleransi
- Kasih Sayang
- Patriotisme
- Kerjasama

### RANGSANG MINDA

Apakah perasaan anda apabila melihat gambar di sebelah?


### GLOSARI

**Perpaduan:** Perihal berpadu (bergabung menjadi satu, sepakat dan lain-lain).




## “APAKAH KATA ANDA?”

Baca temu bual di bawah.



**Soalan**  
Apakah yang anda faham tentang perpaduan?

**Jawapan**  
Pada pandangan saya, perpaduan bermaksud sikap saling menghormati dan bertoleransi antara kaum.




**Soalan**  
Bagaimanakah anda mengamalkan perpaduan dalam kehidupan harian?

**Jawapan**  
Kami akan saling menziarahi jika ada jiran yang sakit tanpa mengira kaum atau agama.



**Soalan**  
Mengapakah rakyat Malaysia perlu bersatu padu?

**Jawapan**  
Perpaduan penting supaya kita dapat bekerjasama tanpa mengira kaum atau agama, dapat menjalinkan hubungan yang mesra serta hidup tenang dan aman sebagai sebuah masyarakat majmuk.



**Soalan**  
Apakah perasaan anda apabila hidup dalam negara yang terdiri daripada berbilang kaum?

**Jawapan**  
Kami berasa amat gembira dan bangga menjadi rakyat Malaysia. Kami dapat belajar tentang adat dan budaya kaum lain. Kami juga saling mengunjungi pada musim perayaan.

### NOTA GURU

2.2.1  
2.2.2  
2.2.3  
2.2.4  
2.2.5

- Bimbing murid menghayati dan memahami temu bual.  
Nilai: Kerjasama, Toleransi, Baik Hati, Kasih Sayang



## KEPELBAGAIAN KAUM KEUNIKAN BUDAYA

Baca maklumat budaya di bawah.

Identiti masyarakat Malaysia yang hidup bersatu padu dapat dilihat melalui masyarakat yang berbilang kaum, agama, kepercayaan, budaya dan bahasa.



**Kaum dan Etnik yang Berbeza Tinggal Serumpun**

Malaysia merupakan sebuah negara di Asia Tenggara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Antaranya termasuklah Melayu, Cina, India, Punjabi, Orang Asli, Kadazandusun, Iban dan lain-lain. Keharmonian hidup rakyatnya diiktiraf dunia apabila Malaysia menduduki tempat ke-4 di Asia Tenggara dalam Laporan Kebahagiaan Sedunia 2019 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Nasi Lemak

### Malaysia Syurga Makanan

Makanan juga menunjukkan identiti masyarakat Malaysia yang sama-sama berkongsi kepelbagaian makanan antara kaum. Contohnya, nasi lemak, tose, kuetiau, laksa Sarawak, amplang dan lain-lain yang boleh dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat.



Laksa Sarawak



Kuetiau



Amplang



Tose



### Negara Pelbagai Perayaan

Perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Vesakhi, Gawai Dayak, Tadau Kaamatan dan Krismas disambut setiap tahun di Malaysia.

Amalan kunjung-mengunjung semasa musim perayaan membentuk semangat perpaduan. Perayaan dapat disambut bersama-sama walaupun berbeza kaum dan agama.

### Perpaduan Kaum Membentuk Malaysia Hari Ini

Rakyat Malaysia menyambut dua hari bersejarah, iaitu Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September yang diraikan setiap tahun. Perpaduan dan semangat patriotisme yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia menyebabkan kemerdekaan dan keamanan yang dikecapi kekal sehingga kini.



KBAT

Bincangkan amalan lain yang dapat membantu memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

#### NOTA GURU

2.2.2  
2.2.3  
2.2.4

- Bimbing murid memahami kandungan maklumat budaya.
  - Bimbing murid membincangkan soalan KBAT.
- Nilai: Kerjasama, Rasional, Hormat, Patriotisme



## PERPADUAN OH PERPADUAN

Nyanyikan lagu di bawah.

Perpaduan, kesatuan,  
Menjadi teras keharmonian,  
Beza budaya, agama dan bangsa,  
Perpaduanlah yang akan menyatukan.

Perpaduan, kekitaan,  
Cinta Malaysia jadi amalan,  
Dalam sukan, makanan dan pakaian,  
Mari sama-sama erat hubungan.

Perpaduan,  
Kerana kamu kami tiada sengketa,  
Kerana kamu kami jadi mulia,  
Kami sayang kamu, engkau mengeratkan.

Perpaduan,  
Hormat, kerjasama, sayang menyayang,  
Hidup kami gembira juga aman,  
Kami sayang kamu oh perpaduan.

Melodi: *Amalina*  
Ciptaan: Sawalliyati Abd Saleh

### SANTAI MINDA

Apakah yang akan berlaku sekiranya perpaduan kaum terabai?

Perpaduan Oh Perpaduan  
(Audio)



### NOTA GURU

- 2.2.1 • Bimbing murid bernyanyi dan memahami makna setiap rangkap lirik lagu.
- 2.2.2
- 2.2.3 • Bimbing murid membincangkan kesan jika tidak menitikberatkan perpaduan kaum di Malaysia.
- 2.2.4
- 2.2.5 Nilai: Kerjasama, Rasional, Hormat, Patriotisme

## PERMAINAN GALAH PANJANG RIMUP

Lakukan permainan di bawah.

Program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) telah dijalankan di SMK Batu Muda. Program ini bertujuan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid. Antara aktiviti yang menarik dalam program ini termasuklah permainan galah panjang.



### Panduan Permainan:

1. Sebelum bermula, guru menggalakkan murid untuk membentuk kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bekerjasama semasa bermain.
2. Bentukkan dua pasukan, iaitu penyerang dan pertahanan.
3. Setiap pasukan terdiri daripada 4 hingga 10 orang ahli.
4. Lakar gelanggang galah panjang di tanah yang lapang.
5. Pasukan pertahanan perlu berada di atas garisan.
6. Ketua pasukan pertahanan pula menjaga garisan tengah dan bebas ke garisan depan atau belakang.
7. Pasukan penyerang mula masuk ke dalam gelanggang setelah ketuanya menepuk tangan ketua pasukan pertahanan.
8. Ahli pasukan penyerang yang disentuh oleh pasukan pertahanan akan tersingkir.
9. Pasukan penyerang dikira sebagai pemenang apabila ahli terakhir berjaya tiba di hujung gelanggang dan kembali ke tapak permulaan.

### NOTA GURU

- 2.2.2 • Bimbing murid bermain permainan galah panjang RIMUP.
- 2.2.3
- 2.2.5 Nilai: Kerjasama, Keberanian



## “YEE SANG KEMAKMURAN”

Baca dan ikuti langkah penyediaan “Yee Sang Kemakmuran”.

Bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina, aktiviti menggaul yee sang diamalkan oleh masyarakat Cina di negara kita. Yee sang merupakan antara hidangan yang melambangkan kesejahteraan dan keberkatan.

### Sediakan bahan dan peralatan:

#### BAHAN A

- timun
- lobak merah
- sengkung
- bawang merah

} disagat

#### BAHAN B

- kerepek
- kacang tanah
- suun yang siap dimasak
- bijan
- sos plum dan madu

#### PERALATAN

- penyepit
- penyagat
- pinggan besar



Sagat bahan A.



Susun semua bahan A dan B di dalam pinggan besar dan tuangkan sos plum dan madu. Taburkan bijan.



Jemput rakan anda daripada pelbagai kaum untuk makan bersama-sama.



#### SANTAI MINDA

Apakah perasaan anda apabila dapat menikmati hidangan “Yee Sang Kemakmuran” bersama-sama?

#### NOTA GURU

- Bimbing murid menggunakan penyagat dengan cara yang betul.
  - Bimbing murid menyediakan “Yee Sang Kemakmuran”.
- Nilai: Baik Hati, Toleransi, Kasih Sayang

2.2.2  
2.2.4  
2.2.5

## PERPADUAN DALAM MASYARAKAT

### Maksud

Perpaduan bermaksud perihal berpadu (bergabung menjadi satu atau sepakat).

### Contoh

- Menyambut perayaan bersama-sama.
- Menghormati budaya kaum lain.

### Kepentingan

- Mengelakkan pergaduhan.
- Menjamin kesejahteraan hidup.

### Perasaan

- Bangga dengan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.
- Gembira berinteraksi dengan masyarakat yang berbilang kaum.
- Seronok berkongsi budaya.

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

mengunjungi

menghormati

aman

patriotisme

toleransi

1. Semua kaum akan hidup \_\_\_\_\_ dan damai jika mengamalkan perpaduan.
2. Sikap \_\_\_\_\_ antara kaum dapat mengelakkan berlakunya salah faham.
3. Antara amalan yang dapat memupuk perpaduan termasuklah \_\_\_\_\_ agama lain dan bertolak ansur.
4. Sanjeet \_\_\_\_\_ rumah terbuka rakannya semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.
5. Lee Wei dan keluarganya menyertai perarakan Hari Kebangsaan untuk menyemarakkan semangat \_\_\_\_\_.

\*Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid dengan merujuk halaman 89.

## PROJEK POSTER KEWARGANEGARAAN



Projek ini bertujuan:

- i. Mencungkil bakat dan potensi murid.
- ii. Meningkatkan daya kreatif dan inovasi murid.
- iii. Menggalakkan murid menjayakan aktiviti Hari Kebangsaan.
- iv. Menyemaikan semangat cinta akan negara melalui tema pertandingan melukis.

### GERAK KERJA

#### A. PERANCANGAN

1. Kumpulkan maklumat tentang idea lukisan poster yang ingin dicipta.
2. Sediakan bahan-bahan yang diperlukan.

#### B. PELAKSANAAN

1. Hasilkan poster bertemakan kewarganegaraan untuk ditampal pada dinding di dalam kelas bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan.
2. Gunakan kreativiti masing-masing dan bebas mencipta poster.

#### C. PENILAIAN DAN LAPORAN

1. Selepas menjalankan projek, sediakan laporan tentang pengalaman sepanjang menjalankan projek.
2. Laporan tersebut mestilah mengandungi maklumat yang berikut:  
 Tarikh: \_\_\_\_\_  
 Tempat: \_\_\_\_\_  
 Masa: \_\_\_\_\_  
 Refleksi Diri: (perasaan/pengalaman anda sepanjang menjalankan projek ini)  
 Kesimpulan: (perasaan/harapan anda)

Semoga penghasilan poster kewarganegaraan ini dapat membentuk peribadi mulia, membentuk perwatakan sendiri yang positif, iaitu cinta akan negara dan memupuk semangat patriotisme bersempena dengan Hari Kebangsaan.



# CADANGAN JAWAPAN

## UNIT 1: NORMA MASYARAKAT

### A. Muka surat 10

1. peraturan
2. membuka kasut
3. menziarahi
4. membongkokkan badan
5. perpaduan
6. dipulaukan

### B. Muka surat 11

Gambar 1	Mengekalkan warisan budaya dengan memakai pakaian tradisional.
Gambar 2	Menjaga kebersihan anggota badan.
Gambar 3	Memberikan kata-kata positif ketika menziarahi rakan yang sakit.
Gambar 4	Menerima nasihat ibu bapa dan orang yang lebih tua.
Gambar 5	Memenuhi jemputan majlis rumah terbuka jiran.

## UNIT 2: KEPERIBADIAN MULIA

### A. Muka surat 20

- 1: ☺
- 2: ☹
- 3: ☺
- 4: ☹
- 5: ☺
- 6: ☺

### B. Muka surat 21

Berpandukan jawapan murid

## UNIT 3: PERWATAKAN KENDIRI YANG POSITIF

### A. Muka surat 30

- mesra
- peramah
- kreatif
- inovatif
- optimis
- yakin diri
- aktif
- tekun

### B. Muka surat 31

1. B
2. A
3. B

## UNIT 4: SIKAP HORMAT DALAM INTERAKSI SOSIAL

### A. Muka surat 40

Berpandukan jawapan murid

### B. Muka surat 41

1. B
2. A
3. A
4. B

## UNIT 5: KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

### A. Muka surat 50

- ambil berat
- saksama
- rasional
- toleransi
- beri perhatian
- pertimbangan
- penilaian

Gambar: Dacing

# CADANGAN JAWAPAN

## B. Muka surat 51

Melintang	Menegak
1. gembira	2. prihatin
3. kesejahteraan	4. erat
5. rasional	6. adil

## UNIT 6: PENGGUNAAN SUMBER DAN MAKLUMAT YANG SAHIIH

### A. Muka surat 61

1. A
2. B
3. A

### B. Muka surat 62

- Memalukan diri sendiri.
- Mengganggu fikiran dan ketenteraman.
- Dikenakan tindakan undang-undang.
- Hilang kepercayaan daripada orang lain.

## UNIT 7: HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGANEGARA

### A. Muka surat 72

1. hak
2. sayangi
3. mengundi

### B. Muka surat 73

1. Hak mengundi.
2. Menjaga kelestarian alam.
3. (a) Melaporkan kehilangan MyKad.  
(b) Dikenakan denda.
4. Membuktikan semangat cinta akan negara.
5. Saya berasa bangga dan bersyukur.

## UNIT 8: PERPADUAN DALAM MASYARAKAT

### A. Muka surat 84

1. aman
2. toleransi
3. menghormati
4. mengunjungi
5. patriotisme

# SENARAI RUJUKAN

- Abisha Naim, 2013. *Hormat Menghormati di Tempat Awam*. Kuala Lumpur: Pustaka Prinsip Sdn. Bhd.
- Jessica Empayong Anak Gansal, 2013. *Pengurusan Pemeliharaan Tarian Ngajat Masyarakat Iban*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian. Universiti Malaysia Sarawak.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017. *Buku Teks Pendidikan Moral Pendidikan Khas Tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018. *Buku Teks Pendidikan Moral Pendidikan Khas Tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lina Kunjak. "Ngajat" dlm. *Dewan Budaya* 32:3, hlm. 10-11, Mac 2010.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2010. *Perlembagaan Persekutuan*. Malaysia.
- Rohani Hj. Ab Ghani, 2016. *Negara Bangsa Malaysia Asas dan Cabaran*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff dan Rozmi Ismail, 2017. *Pembinaan Konsep Kendiri daripada Perspektif Barat dan Islam*. Latihan Ilmiah Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Sara Hamzah, 1998. *Hubungkait antara Konsep Kendiri dengan Permasalahan Disiplin dalam Kalangan Murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 4, Sekolah-sekolah di Kawasan Bandar Kota Tinggi*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharifah Mohd Kassim, 1998. *Perkaitan antara Konsep Kendiri Murid dengan Pencapaian Akademik*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Hashim, 2011. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Atin Press Sdn. Bhd.
- Zainudin Abu Bakar dan Riyanti Abdullah Sani, 2010. *Kepentingan Konsep Kendiri Positif dalam Pembelajaran*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.

## Rujukan daripada Laman Web

- Autisme. "Apa Itu Autisme?" Diakses melalui <https://iautism.my/ms/about-autism/> pada 30 April 2019.
- Jabatan Pendaftaran Negara, "Kad Pengenalan". Diakses melalui <https://www.jpn.gov.my/kp/kad-pengenalan/> pada 6 Februari 2019.
- Jabatan Penerangan Malaysia, "Perpaduan Asas Pembangunan Negara". Diakses melalui [http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/perpaduan\\_asas\\_pembangunan\\_negara/mobile/index.html#p=2](http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/perpaduan_asas_pembangunan_negara/mobile/index.html#p=2) pada 10 April 2019.
- Laporan Kebahagiaan Sedunia. Diakses melalui <https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/03/21/world-happiness-index-malaysia-plunges-from-no-35-to-80-in-one-year> pada 21 Mac 2019.
- Klik dengan Bijak. Diakses melalui <http://www.klikdenganbijak.my/Utama.aspx> pada 4 Februari 2019.
- Kementerian Kesihatan Malaysia, "Membuat Keputusan". Diakses melalui <http://www.myhealth.gov.my/membuat-keputusan/> pada 26 Mac 2019.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Diakses melalui <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php> pada 4 April 2019.
- Majalah Kuntum, "Amalan Baik". Diakses melalui <https://www.ekuntum.com.my/page.php?id=3> pada 3 Mei 2019.
- Majalah Pendidik, "Potensi Program Perantisan Industri Menengah Atas". Diakses melalui <https://www.pendidik.com.my/2017/08/06/potensi-program-perantisan-industri-menengah-atas/> pada 3 Mei 2019.
- Majlis Paralimpik Malaysia, "Atlet". Diakses melalui <https://www.paralympic.org.my/athlete/mohamad-puzi-mohamad-ridzuan/> pada 11 Februari 2019.
- Penyebaran Berita Palsu. "Masyarakat Juga Perlu Main Peranan". Diakses melalui <https://www.malaymail.com/news/opinion/2017/02/13/sebar-berita-palsu-masyarakat-juga-perlu-mainkan-peranan/1313521> pada 13 April 2019.
- Galah Panjang. "Peraturan Permainan Tradisional-Galah Panjang". Diakses melalui <https://www.scribd.com/doc/92355012/Peraturan-Permainan-Tradisional-Galah-Panjang> pada 10 April 2019.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, "Penjalanan Pilihan Raya". Diakses melalui <http://www.spr.gov.my/ms/pilihan-roya/penjalanan-pilihan-roya/umum> pada 5 Februari 2019.

# QR CODE DUGA ILMU





# INDEKS

## A

adat 6, 77  
adil 42, 44, 45, 46, 48, 49, 50, 51  
ambil berat 49, 50, 51  
autisme 24, 25

## B

bangga 67, 71, 73, 77, 83  
bersyukur 16, 71, 73,

## E

etnik 78

## H

hak 64, 66, 67, 68, 70, 71, 73  
hiperaktif 24

## I

iltizam 26  
inovatif 30

## J

Jabatan Pendaftaran Negara 66, 67

## K

keterbukaan 26

## L

Laporan Kebahagiaan Sedunia 78

## M

media sosial 58, 61  
mengoca 34, 35  
mengundi 68, 71, 72, 73  
menyaring 52, 55, 60, 61  
mulia 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21,  
32, 39  
MyKad 66, 67, 71, 73

## N

ngajat 6  
norma 2, 4, 5, 6, 9, 10

## O

optimis 30

## P

patriotisme 64, 67, 68, 74, 79, 84  
perantis 37  
Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) 37  
peraturan 2, 4, 9, 10, 21  
perpaduan 10, 34, 35, 74, 76, 77, 79, 80, 81,  
83, 84  
pertimbangan 44  
pilihan raya 68, 73  
positif 11, 14, 22, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31  
prihatin 42, 44, 46, 48, 49, 50, 51

## R

rasional 45, 46, 47, 48, 50, 52, 55, 57, 58, 59,  
77, 79, 80

## S

sahih 52, 54, 55, 56, 57, 58, 60, 61  
saksama 50  
sukarelawan 14, 15, 19,  
suri teladan 15, 19

## T

Tadau Kaamatan 79  
tanggungjawab 5, 6, 7, 8, 12, 14, 15, 16, 17, 19,  
21, 22, 25, 26, 27, 42, 45, 47, 61, 64, 66, 67, 68,  
69, 70, 71, 72, 77  
tekun 29, 30  
toleransi 2, 7, 22, 25, 35, 39, 41, 45, 48, 50, 76,  
82, 84

## V

Vesakhi 79

## W

warisan 11, 34, 35

## Y

yee sang 82